

Nama : www.banksoalanspm.blogspot.com

No. Kad Pengenalan: : Angka Giliran:



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (OTI 1)

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

GEOGRAFI

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tandakan jawapan anda pada kertas yang disediakan.*

Disediakan oleh:

Guru AKRAM Terengganu

Dengan kerjasama:

MPSM Negeri Terengganu

Dibiayai oleh:

Kerajaan Negeri Terengganu


TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063


Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.



1 Lapisan bumi yang bertanda X ialah

- A kerak bumi
- B mantel
- C teras luar
- D teras dalam



2 Proses Y dalam rajah di atas ialah

- A penyejukan
- B pemadatan
- C penyimenan
- D pemendapan

Plat Lautan

Plat Benua

3 Pertembungan plat di atas akan menghasilkan bentuk muka bumi seperti

- I permatang tengah lautan
- II banjaran gunung lipat
- III jurang lautan
- IV arka pulau

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- Lava lambat beku
- Mempunyai cerun yang landai
- Kaya dengan kandungan besi


4 Ciri-ciri di atas menerangkan tentang gunung berapi

- A kon abu
- B kon komposit
- C kon lava asid
- D kon lava bes

5 Luluhawa mekanika (fizikal) berlaku akibat

- I perubahan suhu ekstrem
- II hidrolisis
- III proses larutan
- IV tindakan ibun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



6 Bentuk muka bumi kesan tindakan air mengalir yang terbentuk di peringkat A ialah


- I tasik ladam
- II jeram
- III air terjun
- IV tetambak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Antara usaha yang dilakukan untuk mengurangkan kesan tindakan ombak di kawasan pinggir laut ialah

- I kempen kesedaran
- II penguatkuasaan undang-undang
- III membina benteng dan dinding konkrit
- IV menanam semula tumbuhan pinggir pantai yang ditebang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



- Kedalaman air kurang daripada 180 meter
- Lebarnya antara 80 km hingga 1500 km
- Kawasan pembiakan ikan yang penting

8 Pernyataan di atas menerangkan tentang kawasan yang bertanda

- A I
- B II
- C III
- D IV

9 Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan terumbu karang ialah

- I Suhu air laut antara 10°C hingga 13°C
- II Kedalaman air laut kurang daripada 55 meter
- III Kemasinan air laut antara 30 % hingga 40 %
- IV Kawasan air laut yang keruh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Laut dan lautan berpotensi besar sebagai

- A kawasan pelancongan
- B sumber air tawar
- C penyederhanaan suhu
- D jalan pengangkutan dan perhubungan

11. Peredaran bumi mengelilingi matahari akan menyebabkan berlakunya kejadian


- I gerhana
- II empat musim
- III pasang surut
- IV siang dan malam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- Kutub utara mengalami 24 jam malam
- Hemisfera Selatan mengalami siang lebih panjang daripada malam

12. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A ekuinoks musim bunga
- B ekuinoks musim luruh
- C solstis musim panas
- D solstis musim sejuk



13. Berdasarkan simbol Skala Angin Beaufort di atas, kesan-kesan yang terjadi ialah

- I wayar telefon berbunyi
- II asap naik tegak ke atas
- III bencana alam meluas
- IV rumah papan tumbang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- Suhu musim panas antara 20°C hingga 24°C
- Hujan tahunan antara 275mm hingga 900mm
- Angin Baratan yang lembap bertiup pada musim sejuk


14. Pernyataan di atas menerangkan ciri-ciri iklim

- A Khatulistiwa
- B Mediterranean
- C Monsun Tropika
- D Jenis Siberia

15. Antara berikut, pernyataan manakah yang dapat dikaitkan dengan jerebu?

- I Liputan awan berkurangan
- II Sinaran matahari bertambah
- III Peratus habuk terampai tinggi
- IV Jarak penglihatan dekat


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



DUNIA

16. Berdasarkan peta di atas, hutan konifer terdapat di kawasan bertanda

- A I
- B II
- C III
- D IV



17 X dalam rajah di atas ialah

- A Helang
- B Kambing
- C Beluncas
- D Manusia

18 Antara berikut, yang manakah kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam ekosistem hutan hujan tropika tanah pamah

- I habitat hidupan liar
- II zon penampungan kepada ribut
- III menapis pencemar dari kawasan sekitar
- IV kawasan tadahan air

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


19 Kesan penebangan hutan secara meluas ialah

- I suhu meningkat
- II pencemaran air
- III hujan asid
- IV sejatpeluhan tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Antara usaha yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia untuk memulihara sumber hutan ialah

- A mewartakan taman negara
- B mengadakan hutan simpan
- C sistem pengurusan simpanan
- D rawatan silvikultur



21. Antara berikut faktor manakah yang mempengaruhi kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan X, Y dan Z dalam peta di atas ?

- I Pertambahan penduduk semula jadi tinggi
- II Migrasi luar bandar ke bandar
- III Kawasan tanah pamah
- IV Sektor pertanian maju

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Negara X

- Kadar kelahiran kasar 20 orang bagi setiap 1000 orang
- Kadar kematian kasar 5 orang bagi setiap 1000 orang

22. Hitung kadar pertumbuhan semulajadi penduduk negara X.

- A 0.5 %
- B 1.0 %
- C 1.5 %
- D 2.0 %

$$X = \text{Kadar kelahiran} - \text{Kadar kematian}$$

23. X merujuk kepada kadar


- A Kematian kasar
- B Kelahiran kasar
- C Pertambahan penduduk
- D Pertumbuhan penduduk semulajadi



24. Berdasarkan rajah di atas apakah sumbangan kawasan X kepada kawasan Y ?

- I Menyediakan peluang pekerjaan
- II Membekalkan bahan mentah
- III Menyediakan pasaran barang kilang
- IV Menyediakan perkhidmatan kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



25. Berdasarkan rajah di atas apakah kesan pergerakan penduduk kepada kawasan yang dituju?


- I Kepadatan penduduk bertambah
- II Tanah terbiar
- III Industri kilang dimajukan
- IV Peluang pekerjaan bertambah


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Berdasarkan peta di bawah, manakah kesan perpindahan penduduk di kawasan sasaran?

- I Taburan penduduk sekata
- II Kesesakan lalu lintas
- III Pertumbuhan bandar baru
- IV Kawasan pedalaman membangun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV





27. Apakah perancangan yang perlu dilakukan oleh sesebuah kerajaan sekiranya mempunyai struktur penduduk seperti dalam rajah di atas?

- I Menambah bilangan perumahan
- II Menambah kemudahan pertahanan
- III Meningkatkan teknologi maklumat
- IV Menambah peluang pekerjaan


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28. Persamaan antara negara penduduk optimum dengan negara kurang penduduk ialah

- I Tahap teknologi tinggi
- II Kadar pertumbuhan penduduk rendah
- III Kepadatan penduduk bandar rendah
- IV Jumlah penduduk melebihi sumber

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV





Hierarki Petempatan

29. Antara berikut manakah kesan perubahan hierarki petempatan dalam rajah di atas?

- I kegiatan pertanian bertambah
- II kekurangan peluang pekerjaan
- III Kepadatan penduduk tinggi
- IV Pengkhususan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


30. Antara berikut masalah yang manakah timbul berikutan peningkatan proses urbanisasi?

- I Pencemaran udara
- II Kekurangan kemudahan asas
- III Pendapatan berkurangan
- IV Kesyakan lalu lintas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31. Pernyataan manakah benar tentang konurbasi

- A Perkembangan saiz bandar utama
- B Pencantuman pusat bandar baru dengan pusat bandar utama
- C Perkembangan guna tanah bandar utama
- D Percantuman pusat bandar dengan guna tanah pinggir bandar



SEMENANJUNG MALAYSIA

32. Perkembangan petempatan X dan Y dalam peta di atas boleh dikaitkan dengan

- A Aktiviti pelancongan
- B Pertanian tanah tinggi
- C Pusat pendidikan
- D Pusat pertanian

- Malaysia Airline System (MAS)
- Air Asia

33. Apakah sumbangan sistem pengangkutan di atas kepada kemajuan ekonomi negara?

- I Meningkatkan darjah ketersampaian
- II Memajukan industri pelancongan
- III Memudahkan pengangkutan barangan
- IV Memperluaskan pasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Antara berikut, pernyataan manakah benar tentang pengangkutan di Malaysia?

- I Semua negeri boleh dihubungi dengan keretapi
- II Pengangkutan udara penting di Sabah dan Sarawak
- III Lebuhraya memendekkan masa perjalanan
- IV Jalan air menghubungkan semua kawasan terpencil di Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- | | | |
|---------------------|---|-----------|
| • Kereta Api Peluru | - | Jepun |
| • MRT | - | Hong Kong |
| • LRT | - | Malaysia |

35. Antara berikut manakah kesan pembinaan sistem pengangkutan di atas?

- I Mengurangkan kesesakan lalu lintas
- II Mengurangkan pencemaran udara
- III Mempercepatkan penghantaran barang kargo
- IV Menjimatkan kos pengurusan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36. Sistem pengangkutan air di kebanyakan negara maju masih lagi penting kerana

- A kos pengangkutan yang murah
- B meningkatkan mobiliti penduduk
- C darjah ketersampaian yang tinggi
- D tumpuan penduduk di tepi sungai

37. Apakah langkah yang berkesan untuk menjamin bekalan sumber air bersih berterusan di negara kita?

- A Penyahgaraman air laut
- B Mengekalkan kawasan hutan
- C Membina kilang jauh dari sungai
- D Pembenihan awan sepanjang tahun

38. Langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjimatkan petroleum ialah

- I kongsi kereta
- II membina jalan raya bertingkat
- III penggunaan petrol tanpa plumbum
- IV penggunaan pengangkutan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- Selat Melaka
- Laut China Selatan

39. Kepentingan utama sumber di atas ialah

- A Agropelancongan
- B kawasan petempatan
- C laluan perdagangan
- D kegunaan domestik

40. Pilih pasangan yang benar mengenai sumber tenaga berikut ;

	Sumber	Tenaga
I	Petroleum	Biomass
II	Arang Batu	Bahan api
III	Uranium	Nuklear
IV	Pancutan Air Panas	Glasier

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SOALAN TAMAT